



No. Rujukan : USM/PPJJ/HKSD/002 (23)
Tarikh : 28 November 2023

11800 USM Pulau Pinang, Malaysia
T: 604 653 6197 / 604 653 3264
F: 604 657 6000
Email: dean_sde@usm.my
Website: www.pppjj.usm.my

Kepada:

**Senarai Penerima Hadiah Kepujian dan Sijil Dekan
Sidang Akademik 2022/2023 seperti di LAMPIRAN 1**

Tuan/Puan,

**PENGANUGERAHAN SIJIL HADIAH KEPUJIAN DAN SIJIL DEKAN
SIDANG AKADEMIK 2022/2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita saya bagi pihak Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) mengucapkan tahniah atas kejayaan tuan/puan dianugerahkan Sijil Hadiah Kepujian/Sijil Dekan setelah memenuhi kriteria umum dan khusus Rancangan Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM) bagi Sidang Akademik 2022/2023.

3. Untuk makluman tuan/puan, Sijil Hadiah Kepujian dan Sijil Dekan akan **dihantar melalui pos ke alamat semasa** tuan/puan. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat semasa, sila kemaskini maklumat tersebut di portal Campus Online pelajar **selewat-lewatnya pada 31 Disember 2023 (Ahad)**.

4. Sebarang kemusykilan atau pertanyaan, sila hubungi Puan Nor Haslina Khalid di talian 04-653 3286 atau emel khaslina@usm.my.

Akhir kata dari saya, tahniah dan semoga terus cemerlang dalam apa jua lapangan yang tuan/puan ceburi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR MADYA DR. ZULNAIDI YAACOB)
Dekan